

U B123 AND
MAHATHIR - KAKITANGAN

KUALA LUMPUR, 23 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD RI INI BERKATA ADA KAKITANGAN YANG DILANTIK OLEH SURUHANJAYA PILIHAN RAYA (SPR), MEMBANTU PARTI-PARTI PEMBANGKANG DENGAN MELENGAH-LENGAHKAN PENGUNDIAN OLEH PENYOKONG BARISAN NASIONAL (BN) PADA PILIHAN RAYA UMUM AHAD LEPAS.

PERDANA MENTERI BERKATA PERBUATAN ITU BERLAKU DI KELANTAN, TERENGGANU, PERAK DAN PAHANG SEHINGGA MENYEBABKAN KEKALAHAN CALON-CALON BN.

KATANYA, BELIAU MENERIMA BANYAK RUNGUTAN TIDAK PUAS HATI DARIPADA CALON-CALON DAN KAKITANGAN PARTI YANG MENDAKWA BERLAKUNYA PERBUATAN MELENGAH-LENGAHKAN PENYOKONG BN PERGI MENGUNDI SEHINGGA PENGUNDI TERPAKSA MENUNGGU LAMA DAN MENJADI BOSAN, LALU TIDAK MENGUNDI.

+ADA KES YANG PENGUNDI TERMASUK ORANG KENAMAAN PARTI, TIDAK DAPAT MENGUNDI KERANA DIBERITAHU KONONNYA NAMA MEREKA TIDAK ADA DALAM SENARAI NAMA BAGI SALURAN MENGUNDI BERKENAAN,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN PEMIMPIN TERTINGGI UMNO DI IBU PEJABAT PARTI DI SINI HARI INI.

+SEBENARNYA NAMA MEREKA TERDAPAT DALAM SENARAI ITU TETAPI SENGAJA DIKATAKAN TIDAK ADA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO.

-- LAGI.

1604MST 23 10 90

MAHATHIR - KAKITANGAN 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA ADA JUGA KES APABILA SENARAI DAFTAR PENGUNDI TIDAK RASMI DIGUNAKAN, SEHINGGA ADA PENGUNDI TIDAK MENEMUI NAMA MEREKA DI DALAMNYA.

KATANYA, TERDAPAT JUGA NAMA PENGUNDI ORANG ASLI YANG SECARA TIBA-TIBA TIDAK ADA DALAM SENARAI TETAPI SETELAH DISELIDIK, DIDAPATI NAMA MEREKA SENGAJA DITINGGAL.

PERBUATAN ITU BUKAN DILAKUKAN OLEH SPR TETAPI OLEH KAKITANGAN PEJABAT DAERAH TERTENTU YANG DILANTIK OLEH SPR DAN MEREKA JELAS MENYOKONG PEMBANGKANG, KATANYA.

TAMBAHNYA, BELIAU TIDAK MENYALAHKAN SPR BERHUBUNG PERKARA ITU KERANA IA MERUPAKAN PENDIRIAN PERIBADI PEGAWAI-PEGAWAI BERKENAAN.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA TERDAPAT JUGA PERBUATAN KEKERASAN OLEH PENYOKONG PEMBANGKANG UNTUK MENGHALANG PENGUNDI DARIPADA PERGI MENGUNDI. -- LAGI.

1605MST 23 10 90

D857

U B127 AAB

MAHATHIR - KAKITANGAN 3 KUALA LUMPUR

SEBAGAI CONTOH BELIAU MENYEBUT SATU KEJADIAN DI TERENGGANU APABILA LEBIH 1,000 PENYOKONG PEMBANGKANG MENGEPUK RUMAH SEORANG WAKIL RAKYAT UNTUK MENGHALANG PENYOKONG BN YANG BERHIMPUN DI SITU, DARIPADA PERGI MENGUNDI.

KATANYA, POLIS JUGA TIDAK MAMPU UNTUK MEMBOLEHKAN PENYOKONG BN YANG TERKEPUNG ITU PERGI MENGUNDI, MEMANDANGKAN BANYAKNYA PENYOKONG PEMBANGKANG DI SITU.

KATANYA, UMNO AKAN MENYELIDIK PERBUATAN KAKITANGAN SPR ITU SEBELUM MENYEDIAKAN LAPORAN LENGKAP MENGENAINYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA UMNO JUGA MENGESAN PENGGUNAAN WANG OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG TETAPI IA TIDAK AKAN MEMBUAT LAPORAN KEPADA POLIS MENGENAINYA.

MENGENAI PENUBUHAN UMNO DI SABAH, BELIAU BERKATA MAJLIS TERTINGGI UMNO BELUM MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI SIAPA YANG AKAN MEMIMPIN PARTI ITU DI NEGERI ITU. -- LAGI.

1614MST 23 10 90

D872

R B131 BAH

MAHATHIR - KAKITANGAN 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, URUSAN MENYUSUN ORGANISASI UMNO DI SABAH DISERAHKAN KEPADA TIMBALAN PRESIDEN ENCIK GHAFAR BABA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA UMNO JUGA BERSETUJU DENGAN HASRAT PARTI GERAKAN UNTUK MENUBUHKAN CAWANGANNYA DI SABAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PARA PENGUNDI YANG MEMBANTU BN MENDAPAT LEBIH DUA PERTIGA KERUSI DI PARLIMEN DAN DI KEBANYAKAN DEWAN UNDANGAN NEGERI.

BELIAU JUGA MENYATAKAN PENGHARGAAN KEPADA SPR DAN PARA ANGGOTA PASUKAN KESELAMATAAN KERANA DAPAT MEMASTIKAN PILIHAN RAYA UMUM LEPAS BERJALAN DENGAN TERATUR TANPA BERLAKUNYA APA-APA KEJADIAN YANG TIDAK DIINGINI.

KEPADA WAKIL-WAKIL MEDIA MASSA, BELIAU BERKATA MEDIA MASSA TELAH MEMBUAT LIPUTAN YANG MENYELURUH DAN ADIL MENGENAI PILIHAN RAYA UMUM SEHINGGA BANYAK BERITA MENGENAI PARTI LAWAN DISIARKAN MELALUI TELEVISYEN.

MENURUTNYA, KEBANYAKAN MEDIA JELAS BERPEGANG KEPADA PRINSIP KEBEBASAN AKHBAR WALAUPUN ADA YANG MEMBUAT LAPORAN YANG BERAT SEBELAH. -- BERNAMA.